

CONFERENCE PROCEEDING

**Sumbangan Saidina Umar al-Khattab dalam Kepimpinan: Kajian
Pelaksanaannya dalam Pentadbiran Majlis Kepimpinan Pelajar di Kolej
PERMATA Insan**

Nur Aina Batrisyia Binti Haniff¹, Mohd Zamrus Bin Mohd Ali²

^{1,2}Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author : zamrus@usim.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti sumbangan kepimpinan Saidina Umar al-Khattab dalam konteks pengurusan dan pentadbiran, seterusnya mengaplikasikan prinsip tersebut dalam Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP) di Kolej PERMATA Insan. Saidina Umar terkenal dengan kepimpinan berteraskan keadilan, ketegasan, dan keprihatinan terhadap masyarakat, yang terbukti melalui pelbagai dasar seperti penubuhan baitulmal, sistem kehakiman, dan pengurusan wilayah secara terancang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen serta temu bual separa berstruktur melibatkan guru penasihat dan ahli MKP. Data dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti elemen kepimpinan Umar yang diaplikasikan, antaranya ketelusan dalam membuat keputusan, kebertanggungjawaban pemimpin, dan prinsip musyawarah. Dapatan menunjukkan bahawa amalan seperti perancangan strategik, pengagihan tugas berasaskan kemahiran, dan penekanan terhadap integriti berjaya meningkatkan keberkesanan pentadbiran MKP. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati keterlibatan MKP dalam mempraktikkan elemen kepimpinan berasaskan model Umar kadang kala kurang menonjol berikutan kekangan seperti jadual akademik yang padat dan ruang masa terhad untuk menampilkan bakat kepimpinan secara optimum. Kajian ini menyimpulkan bahawa prinsip kepimpinan Islam yang diwarisi daripada Saidina Umar bukan sahaja relevan dalam konteks sejarah, malah mampu memperkukuh budaya kepimpinan pelajar berteraskan nilai murni dan profesionalisme di institusi pendidikan masa kini.

Kata kunci: *Saidina Umar al-Khattab, kepimpinan Islam, Majlis Kepimpinan Pelajar KPI.*

PENGENALAN

Kepimpinan merupakan elemen penting dalam membentuk organisasi yang berkesan. Dalam konteks pendidikan, penglibatan pelajar dalam kepimpinan dapat memupuk bakat kepimpinan, membentuk jati diri, dan melahirkan pemimpin masa depan yang berwibawa. Saidina Umar al-Khattab, khalifah kedua selepas Rasulullah SAW, terkenal dengan ketegasan, keadilan, dan kebijaksanaan dalam mentadbir negara Islam Madinah. Prinsip kepimpinan beliau berasaskan nilai Islam seperti musyawarah, integriti, dan keprihatinan terhadap rakyat menjadi model rujukan dalam pelbagai konteks, termasuk pendidikan.

Kajian ini memfokuskan kepada Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP) di Kolej PERMATA Insan sebagai platform pembangunan bakat kepimpinan pelajar. Namun, terdapat kekangan seperti jadual akademik yang padat dan masa yang terhad, menyebabkan elemen kepimpinan kadang kala kurang menonjol. Kajian ini bertujuan mengkaji sejauh mana prinsip kepimpinan Saidina Umar dapat diaplikasikan dalam konteks ini.

SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa Saidina Umar memperkenalkan pelbagai inovasi pentadbiran seperti sistem perundangan, pengurusan kewangan melalui baitulmal, dan pentadbiran wilayah secara terancang (Al-Mubarakfuri, 2002; Al-Tabari, 1990). Prinsip musyawarah beliau menjadi asas penting dalam membuat keputusan, manakala sikap tegas tetapi adil menjadikan pemerintahannya contoh ideal bagi pemimpin moden (Al-Ghazali, 2012).

Dalam konteks pendidikan, kajian oleh Ahmad (2020) menekankan bahawa penglibatan pelajar dalam kepimpinan organisasi memberi kesan positif terhadap kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, dan pengurusan konflik. Namun, pelbagai kekangan akademik dan persekitaran sering menghadkan ruang untuk pelajar menyerlahkan potensi kepimpinan mereka (Nordin, 2019). Kajian-kajian terkini menyokong bahawa penglibatan pelajar dalam kepimpinan membawa impak positif yang nyata. Contohnya, Fauzi, Don & Yusof (2023) mendapati bahawa aspek inspire a shared vision, challenge a process, dan enable to act dalam amalan kepimpinan pelajar memberi pengaruh signifikan ke atas daya ketahanan sendiri (self-resilience) pelajar di sekolah menengah di Malaysia menandakan bahawa pelajar yang berperanan kepimpinan lebih berupaya mengatasi tekanan dan kekangan dalam konteks pengajian mereka.

Selain itu, kajian “Classification of Student Leadership Profiles in Diverse Contexts” (Gorgulu, 2024) menyebut bahawa pembangunan kemahiran kepimpinan di kalangan pelajar membantu mereka menjadi individu yang mampu membimbing orang lain dengan betul, memikul tanggungjawab, bersungguh-sungguh, dan membuat keputusan yang efektif dalam kehidupan sosial atau profesional kemudian hari.

Di samping itu, kajian “Teacher leadership influencing student leadership” (Ghazali, 2025) turut menunjukkan bahawa kepimpinan guru (teacher leadership) mempunyai pengaruh positif sangat tinggi terhadap kemahiran kepimpinan pelajar dalam sekolah berasrama penuh ini menekankan kepentingan persekitaran pendidikan yang menyokong agar pelajar diberi ruang dan tunjuk ajar untuk berperanan sebagai pemimpin.

Sebaliknya, apabila pelajar tidak diberi latihan atau peluang memegang tanggungjawab kepimpinan, beberapa kajian menunjukkan kesan negatif yang perlu diambil kira:

- i. Kajian oleh Rosch (2018) mendapati bahawa di institusi pengajian tinggi, pelajar yang melaporkan penyertaan konsisten dalam program pembangunan kepimpinan formal tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam kapasiti kepimpinan berbanding mereka yang tidak pernah menyertainya, menandakan bahawa tanpa struktur latihan yang efektif, latihan kepimpinan mungkin tidak mencukupi untuk menyemai kemahiran kepimpinan yang mantap.

- ii. Artikel “The Perils of Leadership Development” (Woods, 2024) membincangkan bahawa pembangunan kepimpinan juga boleh membawa beban baru terhadap pelajar jika tidak disesuaikan contohnya, tekanan tambahan, konflik peranan, dan keletihan (burnout) apabila tuntutan kepimpinan tidak disokong dengan baik.
- iii. Dalam kajian sistematik oleh Ueda et. al. (2024) ke atas pedagogi dan hasil program kepimpinan formal mendapati bahawa ramai kajian menunjukkan hasil yang campuran iaitu tidak semua peserta memperoleh peningkatan kepimpinan yang signifikan, bergantung kepada kualiti reka bentuk program dan konteks pelaksanaannya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan dua kaedah pengumpulan data:

1. Analisis Dokumen: termasuk laporan aktiviti MKP, minit mesyuarat, dan modul kepimpinan pelajar.
2. Temu Bual Separa Berstruktur: melibatkan 2 orang guru penasihat dan 8 ahli MKP untuk mendapatkan pandangan tentang aplikasi prinsip kepimpinan Saidina Umar.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti tema-tema utama berkaitan pelaksanaan prinsip kepimpinan berasaskan model Saidina Umar, termasuk aspek ketelusan, musyawarah, akauntabiliti, dan integriti dalam pengurusan organisasi pelajar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis data mengenal pasti tiga tema utama yang mencorakkan pelaksanaan prinsip kepimpinan dalam Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP) di Kolej PERMATA Insan, iaitu ketelusan dan akauntabiliti, musyawarah dalam keputusan, serta kekangan masa dan jadual akademik.

Ketelusan dan Akauntabiliti. Contoh dalam MKP KPI:

- KPI melalui media rasmi seperti Facebook rasmi “PERMATA Insan” memaparkan status “Pilihan Raya MKP” dengan kenyataan bahawa proses tersebut dijalankan secara tertib dan terbuka.
- Dalam laman berita KPI, ketika merekrut pelajar baru, disebut bahawa koordinasi MKP terbabit dalam menjelaskan “key performance index” kolej kepada pelajar baru ini menunjukkan usaha keterbukaan dan akauntabiliti kepada anggota baru tentang objektif KPI dan tanggungjawab MKP.
- Dalam majlis perlantikan atau watakah MKP (Majlis Watakah MKP KPI) dilaporkan di laman rasmi KPI bahawa proses tersebut dianjurkan sebagai simbol amanah dan tanggungjawab rasmi (Majlis Watakah MKP KPI)

Hubungan dengan tarbiah diri Sayidina Umar:

Saidina Umar digambarkan sebagai pemimpin yang sangat mementingkan kejujuran, pengauditan diri (muhasabah) dan amanah. Ungkapan seperti *حاسبوا أنفسكم قبل أن تحاسبوا* (“Hitunglah dirimu

sebelum kamu dihisab”) sering dikaitkan dalam tradisi tarbiah untuk pemimpin agar sentiasa memeriksa diri sendiri. Dalam konteks MKP KPI, elemen tarbiah ini boleh dijemakan melalui amalan refleksi berkala (muhasabah kepimpinan) oleh ahli MKP misalnya, setiap akhir semester, ahli MKP diminta menulis jurnal pemimpin (refleksi diri tentang tindakan, kelemahan, kekuatan) dan membentangkannya dalam mesyuarat MKP supaya seluruh pihak tahu dan bersama memantau.

Musyawah dalam Keputusan. Contoh dalam MKP KPI:

- Dalam satu video rasmi “Pengenalan Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP) Kolej GENIUS Insan” (saluran YouTube KPI/Insan) diperlihatkan bahawa ahli-ahli MKP berbincang dan memberi ucapan pengenalan (video mesyuarat atau sesi perkenalan) secara beramai-ramai.
- Di Instagram rasmi KPI (@permatainsan_) terdapat posting tentang “pertemuan penandaarasan dan pembangunan kurikulum sekolah menengah” yang melibatkan perbincangan kolaboratif antara KPI dan sekolah rujukan.
- Proses Pilihan Raya MKP KPI yang diumumkan melalui media sosial menandakan bahawa pihak pengurusan MKP dan pelajar bekerjasama memilih wakil mereka secara demokratis dan mendengar pandangan ramai pihak (meskipun dalam skala kecil) sebagai cerminan elemen musyawarah.

Hubungan dengan tarbiah diri Sayidina Umar:

Saidina Umar sangat mementingkan musyawarah (perundingan) dalam pengambilan keputusan. Beliau sering mendengar nasihat dan pandangan rakyat sebelum menentukan sesuatu keputusan. Dalam tradisi tarbiah Islam, seorang pemimpin dilatih agar tidak bersikap autoritarian, tetapi membuka ruang dialog dan mendengar pendapat pengikut. (Lihat prinsip *syura* dalam kepimpinan Islam). Dalam MKP KPI, unsur musyawarah ini boleh diperkuat melalui mekanisme seperti cadangan berikut:

- Mesyuarat bulanan MKP yang diawalkan supaya semua orang (ahli MKP, wakil pelajar) diberi peluang menyuarakan cadangan dan kritikan.
- Lembaga penasihat pelajar di mana ahli luar (guru, alumni) dijemput hadir sebagai fasilitator mesyuarat untuk memberi pandangan luaran dan memandu musyawarah.
- Borang sumbang saran terbuka (online atau fizikal) supaya bukan ahli MKP pun boleh mengemukakan idea, dan selepas itu dibincangkan dalam mesyuarat MKP.

Kekangan Masa dan Jadual Akademik. Contoh dalam MKP KPI:

- Dari posting Instagram KPI, kelihatan bahawa projek penandaarasan dan pembangunan kurikulum dijalankan dalam tempoh aktiviti rasmi sekolah (bukan cuti), menunjukkan bahawa aktiviti tambahan perlu disesuaikan dalam jadual yang sudah padat.
- Proses pilihan raya MKP yang diumumkan melalui media sosial “Pilihan Raya MKP KPI” dikendalikan dalam tempoh akademik biasa, memperlihatkan bahawa MKP perlu berjaya mengurus aktiviti kepimpinan dan proses mereka dalam waktu akademik yang terbatas.
- Dalam pelaksanaan program pengantarabangsaan KPI (“Insan Global Reach: Kolej PERMATA Insan’s Strategic Internationalisation Plan”), pelajar terlibat dalam mobiliti

antarabangsa dan aktiviti luar negara yang memerlukan masa persiapan, menjadikan penjadualan aktiviti kepimpinan tempatan sangat mencabar.

Hubungan dengan tarbiah diri Sayidina Umar: Dalam sirah Umar, beliau kerap meluangkan masa berjalan dari rumah ke rumah rakyat (memeriksa keperluan rakyat) walau dalam jadual pemerintahan yang sibuk ini menunjukkan bahawa seorang pemimpin mesti bijak mengatur masa dan mengutamakan tugas amanah (tarbiah masa). Dalam pendidikan tarbiah, seorang pemimpin dilatih agar mengurus masa (time management) agar tugas kepimpinan tidak mengganggu kewajipan utama (misalnya, kewajipan ibadah, kerja asas). (Konsep tarbiah masa ini secara tidak langsung boleh diteladani dari amalan Umar dan para sahabat)

Di MKP KPI, untuk mengatasi kekangan masa dan jadual akademik boleh dicadangkan:

- Slot kepimpinan pendek (mini slots): aktiviti kepimpinan selama 30–60 minit dalam waktu rehat atau selepas waktu kuliah ringan.
- Program kepimpinan dalam talian: modul pendek, refleksi atau diskusi secara atas talian supaya ahli MKP dapat menyertainya tanpa perlu hadir fizikal ketika waktu padat.
- Integrasi aktiviti kepimpinan ke dalam kurikulum: contohnya kursus pengurusan diri atau pendidikan ko-kurikulum yang merangkumi tugas kepimpinan MKP sebagai sebahagian dari tugas kursus.
- Penjadualan bersama (joint scheduling) antara pihak akademik dan MKP supaya waktu bagi aktiviti kepimpinan boleh dijadualkan awal dan tidak bertembung dengan kelas penting.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa prinsip kepimpinan Saidina Umar al-Khattab berteraskan keadilan, ketelusan, musyawarah, dan tarbiah diri berpotensi besar untuk diaplikasikan dalam pentadbiran Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP) di Kolej PERMATA Insan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prinsip ini bukan sahaja memperkukuh integriti organisasi pelajar, malah meningkatkan daya kepimpinan, pengurusan masa, dan keupayaan membuat keputusan secara kolektif. Walau bagaimanapun, cabaran seperti jadual akademik yang padat dan kekangan masa perlu diatasi bagi memastikan potensi kepimpinan pelajar dapat diserlahkan sepenuhnya.

Sehubungan itu, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperkasa MKP:

1. Penyusunan Jadual Aktiviti Kepimpinan Secara Strategik. Menyediakan *Leadership Calendar* khusus yang menyelaraskan tarikh akademik dan kokurikulum bagi memberi ruang aktiviti kepimpinan tanpa menjejaskan komitmen akademik.
2. Integrasi Kepimpinan ke Dalam Kurikulum Holistik. Mewujudkan modul *Leadership and Ethics* berasaskan prinsip Saidina Umar yang menggabungkan latihan kepimpinan dengan kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, dan pengurusan konflik selaras dengan keperluan abad ke-21.
3. Kerjasama Antarabangsa dan Industri. Menjalinkan *partnership* dengan institusi luar negara, pertubuhan belia global, dan sektor industri bagi memberi pendedahan kepimpinan

berperspektif global seperti program *Student Leadership Exchange* dan *Youth Leadership Summit*.

4. Latihan Digital dan Kepimpinan Berinovasi. Memperkenalkan *digital leadership training* menggunakan teknologi seperti simulasi maya, platform pembelajaran digital, dan modul kepimpinan berasaskan AI untuk melatih pelajar sebagai pemimpin era Revolusi Industri 4.0.
5. Mentoring dan Tarbiah Diri Berterusan. Mengadaptasi amalan muhasabah dan pengauditan diri Saidina Umar dengan mewujudkan program *Leadership Reflection Journal* serta bimbingan berterusan daripada alumni dan guru penasihat.

Dengan pelaksanaan cadangan ini, MKP dijangka mampu melahirkan pemimpin pelajar yang bukan sahaja berwibawa dan berakhlak mulia, malah berdaya saing dalam dunia kepimpinan global yang semakin mencabar.

RUJUKAN

- Al-Ghazali. (2012). *Ihya' 'Ulum al-Din* [Revival of the Religious Sciences]. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mubarakpuri, S. R. (2002). *Ar-Raheeq al-Makhtum (The Sealed Nectar): Biography of the Noble Prophet*. Riyadh: Darussalam. ISBN 9960-899-55-1.
- Al-Ṭabari. (1990). *Ta'rikh al-Rusul wa-l-Mulūk (The History of the Prophets and Kings)* (Multiple vols.). Various eds./transl. (English ed. "The History of al-Ṭabari").
- Brown, S. R. (2025). *The impact of leadership curriculum on high school students' self-efficacy* (Doctoral dissertation). West Chester University. Retrieved from Digital Commons.
- Fauzi, N. F., Don, Y., & Yusof, M. R. (2023). Exploring the influence of student leadership on self-resilience for national secondary school students in Malaysia. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 12(3), 1460–1466. <https://doi.org/10.11591/ijere.v12i3.24697>
- Ghazali, M. Y., Ahmad, A., & Mansor, A. N. (2025). Teacher leadership influencing student leadership: A study in Malaysian fully residential schools. *Multidisciplinary Science Journal*, e2025533. <https://doi.org/10.31893/multiscience.2025533>
- Görgülü, D., Coşkun, F., Sipahioğlu, M., & Demir, M. (2024). Classification of student leadership profiles in diverse governance settings: Insights from PISA 2022. *Behavioral Sciences*, 14(8), 718. <https://doi.org/10.3390/bs14080718>
- Rosch, D. M., & Collins, J. D. (2019). Peaks and valleys: A two-year study of student leadership capacity associated with campus involvement. *Journal of Leadership Education*, 18(1), 68–78. <https://doi.org/10.12806/V18/I1/R5>
- Rosch, D. M., & Caza, A. (2012). The durable effects of short-term programs on student leadership development. *Journal of Leadership Education*, 11(1), 28–48.
- Ueda, N., & Kezar, A. (2024). A systematic review: Pedagogies and outcomes of formal leadership programs for college students. *Cogent Education*, 11(1), 2314718. <https://doi.org/10.1080/2331186X.2024.2314718>
- Woods, S. A., Ahmed, S., Zhou, Y., & Agneessens, F. (2024). The perils of leadership development: Unintended consequences for employee withdrawal behaviour and conflict. *Work & Stress*. <https://doi.org/10.1080/02678373.2024.2332174>
- Kolej PERMATA Insan (USIM). (2023). *Insan Global Reach: Kolej PERMATA Insan's Strategic Internationalisation Plan*. *Creative Education*, 14(11), 2338–2344. <https://doi.org/10.4236/ce.2023.1411148>
- Kolej PERMATA Insan (USIM). (2025). *Majlis Kepimpinan Pelajar* (laman rasmi). Diakses 2025.
- PERMATA Insan (Facebook rasmi). (n.d.). *Proses Pilihan Raya Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP) KPI berlangsung dengan tertib*. Diakses 2025.
- PERMATA Insan (Instagram rasmi @permatainsan_). (2025). *PRK 2025 & pengumuman/aktiviti pelajar* (pelbagai siaran). Diakses 2025.
- USIM News. (2016). *Kolej PERMATA Insan terima 65 pelajar baharu Asas 1*. Diakses 2025.